

**INKUIRI AWAM KE ATAS PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA SEMASA DAN
SELEPAS INSIDEN PADA 17 JANUARI 2025 DI PENJARA TAIPING, PERAK**

KEPUTUSAN AKHIR PANEL INKUIRI AWAM

KUALA LUMPUR (25 MEI 2026) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah menjalankan Inkuiri Awam ke atas Pelanggaran Hak Asasi Manusia Semasa dan Selepas Insiden pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping, Perak. Sesi Inkuiri Awam ini diadakan berikutan aduan yang diterima oleh SUHAKAM pada 3 Februari 2025 daripada ahli keluarga Tahanan Mahkamah Tinggi (“TMT”).

Aduan tersebut mendakwa bahawa sekumpulan TMT telah menjadi mangsa pelanggaran hak asasi manusia di Penjara Taiping, Perak. Melalui aduan tersebut, terdapat beberapa dakwaan pelanggaran hak asasi manusia yang dikemukakan untuk perhatian SUHAKAM, antaranya adalah:

- i. Satu insiden rusuhan yang melibatkan penggunaan kekerasan telah dilakukan oleh kakitangan Penjara Taiping terhadap kira-kira 80 hingga 100 orang TMT sehingga menyebabkan kecederaan;
- ii. Kejadian tersebut juga menyebabkan kematian seorang TMT yang bernama Gan Chin Eng.

Susulan itu, SUHAKAM telah mengadakan Inkuiri Awam berhubung insiden yang berlaku pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping. Prosiding Inkuiri Awam ini telah bermula pada 9 Jun 2025 yang berlangsung selama 3 bulan 2 minggu dan prosiding terakhir (hujahan lisan) telah diadakan pada 15 Disember 2025. Seramai 50 orang saksi telah memberi keterangan dan sebanyak 127 ekshibit telah dikemukakan semasa prosiding tersebut.

Hasil daripada Inkuiri Awam tersebut, Panel Inkuiri telah mengesahkan bahawa berlakunya pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT semasa dan selepas insiden pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping, Perak seperti berikut:

- i. Kekerasan fizikal yang melampau dilakukan oleh sebilangan besar kakitangan penjara terhadap TMT semasa operasi pemindahan dari Dewan B ke Blok E pada 17 Januari 2025;
- ii. Kakitangan penjara telah menyalah gunakan senjata dan peralatan keselamatan seperti cota dan semburan lada;
- iii. Kecuaian dan ketidak cekapan pegawai atasan Penjara Taiping;
- iv. Masalah kesesakan yang serius di Penjara Taiping;
- v. Tempoh penahanan banduan reman yang lama;
- vi. Kekangan peruntukan kewangan daripada Kerajaan;
- vii. Kecuaian dan kegagalan dalam pemberian rawatan perubatan kepada TMT yang mengalami kecederaan;
- viii. Terdapat unsur penipuan berkenaan dokumentasi rekod perubatan;
- ix. TMT menerima layanan yang tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah susulan insiden pada 17 Januari 2025;
- x. Laporan polis yang dibuat terhadap TMT mengandungi maklumat palsu;
- xi. PDRM gagal menjalankan siasatan yang berasingan terhadap tindakan kekerasan oleh kakitangan penjara ke atas TMT; dan
- xii. Kelewatan yang signifikan oleh pihak Jabatan Peguam Negara dalam membuat penelitian terhadap kertas siasatan PDRM dan membuat pertuduhan di Mahkamah.

Sehubungan itu, Panel Inkuiri Awam telah mengemukakan syor-syor seperti berikut:

- a) Tindakan tatatertib terhadap pengurusan dan kakitangan Penjara Taiping;
- b) PDRM menjalankan siasatan secara berasingan berkenaan tindakan kekerasan oleh kakitangan penjara terhadap TMT;
- c) Menjalankan kajian yang mendalam mengenai alternatif kepada reman dan pemenjaraan bagi menangani masalah kesesakan di penjara;
- d) Menghapuskan amalan penggunaan *bucket system* di Penjara Taiping serta di semua institusi penjara;

- e) Menyediakan latihan secara berkala dan komprehensif kepada semua kakitangan Penjara Taiping;
- f) Keperluan asas tahanan perlu dipenuhi secara konsisten
- g) Kemudahan perubatan dan kesihatan di institusi penjara dipertingkatkan
- h) Penjara Taiping di tapak sedia ada dikaji semula dengan mengambil kira pewartaan Penjara Taiping sebagai Bangunan Warisan
- i) Kerajaan Malaysia meratifikasikan Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (UNCAT)

Laporan penuh Inkuri Awam ini boleh diakses di
<https://suhakam.org.my/publications/national-public-inquiry-reports/>

atau imbas kod QR seperti di bawah:



Keputusan Akhir



Hujahan Bertulis

-TAMAT-

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
25 Mei 2026**